Hari AKADEMIA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KOLEJ KOMUNITI KUCHING

*Sambutan Bulan Akademia*

# Kolej Komuniti Kuching 2021

'Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya'

Unit Pengajian Am
Program Sijil Fesyen Dan Pakaian
Program Sijil Teknologi Senibina

*Sambutan*
*Bulan Akademia*

# Kolej Komuniti Kuching 2021

Kolej Komuniti Kuching

2021

Cetakan Pertama 2021
© Kolej Komuniti Kuching, Sarawak
Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, gambar, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis.

Diterbitkan oleh:
Kolej Komuniti Kuching
Lot 3563, Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak
Tel : 082-313 322
Fax : 082-313318

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Faizal Adnan Omar, 1981-
Sambutan Bulan Akademia : Kolej Komuniti Kuching 2021 / Pengarang
Faizal Adnan Bin Omar, Siti Fairuz Binti Ngatenan, Esuryati binti Kamarudin,
Meno Anak Patrick Bai, Luke Kenny Doring, Mervin Gumba Anak Sigai,
Nur Hakim Bin Raifli, Ts. Liew Foong Ching ;
Editor Siti Fairuz Binti Ngatenan.

Mode of access: Internet
eISBN 978-967-18718-3-6

1. Education, Higher--Activity programs--Malaysia--Kuching (Sarawak).
2. Community colleges--Malaysia--Kuching (Sarawak).
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.
I. Luke Kenny Doring, 1990-. II. Mervin Gumba Sigai, 1985-.
III. Nur Hakim Raifli, 1993-. IV. Liew, Foong Ching, Ts., 1982-.
V. Esuryati Kamarudin, 1980-. VI. Siti Fairuz Ngatenan, 1984-.
VII. Meno Patrick Bai, 1982-. VIII. Judul.
378.009595

## Jawatankuasa Penerbitan

**Penaung**
Pn. Suharyati Binti Sulaiman

**Ketua Pengarang**
En. Faizal Adnan Bin Omar

**Pengarang**
Pn. Siti Fairuz Binti Ngatenan
Pn. Esuryati Binti Kamarudin
Pn. Meno Anak Patrick Bai
En. Luke Kenny Doring
En. Mervin Gumba Anak Sigai
En. Nur Hakim Bin Raifli
Ts. Liew Foong Ching

**Editor**
Pn. Siti Fairuz Binti Ngatenan

**Proof Read**
Pn. Suharyati Binti Sulaiman
En. Mervin Gumba Anak Sigai

**Reka Bentuk & Reka Letak**
En. Faizal Adnan Bin Omar
En. Sulaiman Bin Mohd Shah

**e-ISBN**
Meno Anak Patrick Bai

Senarai Kandungan

## KANDUNGAN

Kata Pengantar Pengarah Kolej Komuniti Kuching ..... 1

Pendahuluan Sambutan Bulan Akademika KKKg 2021 ..... 3

**Aktiviti Akademia Unit Akademik**

- Bicara Akademia Kolej Komuniti Kuching ..... 7
- Bridging The Gap Between Teaching and Innovation ..... 9
- Pertandingan Kuiz Bulan Akademika ..... 10

**Aktiviti Akademia Unit Pengajian Am**

- Penulisan Resume Digital ..... 13
- Komunikasi Efektif Dalam Temuduga ..... 15
- Mock Interview Bersama Panel ..... 17

Aktiviti Akademia Program Sijil Fesyen Dan Pakaian

- Bengkel Asas Lukisan Figura. 21
- Bual Bicara Fesyen Dan Anda: Masa Depan Anda Dalam Industri. 23

Aktiviti Akademia Program Sijil Teknologi Senibina

- Bicara Warisan Senibina : Pengenalan Lukisan Terukur. 27
- Pebentangan Grafik Senibina 2 29

Majlis Perasmian Penutup Bulan Akademia KKKg 35

Senarai Nama Pemenang Anugerah Bulan Akademia Kolej Komuniti Kuching 2021 37

Senarai Jawatankuasa Bulan Akademia Kolej Komuniti Kuching 2021 39

# Kata Pengantar
# Pengarah Kolej Komuniti Kuching

Hari Akademia pertama kali disambut ialah pada tahun 2019, di mana Menteri Pendidikan pada ketika itu mengisytiharkan tarikh 5 Oktober setiap tahun merupakan sambutan Hari Akademia dan bulan Oktober sebagai Bulan Akademia. Ia merupakan hari istimewa yang didedikasikan untuk memberi penghormatan kepada golongan pensyarah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, institut latihan perguruan, kolej matrikulasi termasuk institut latihan dan vokasional.

Sambutan ini juga bertujuan untuk memberi penerangan dan menghargai peranan pensyarah di mana mereka ini mempunyai banyak peranan dan tanggungjawab. Selain mengajar, pensyarah melakukan aktiviti penyelidikan dan inovasi, projek perundingan dan kemasyarakatan, tugas pentadbiran dan lain-lain. Mereka juga memikul tanggungjawab untuk menyelesaikan isu masyarakat melalui hubungan yang dijalinkan antara kerajaan, akademia, komuniti dan industri.

Kolej Komuniti Kuching (KKKg) juga tidak ketinggalan meraikan sambutan Bulan Akademia tahun ini dengan menjalankan pelbagai aktiviti selaras dengan tema **'Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya'**. Seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Sri Dr. Noraini Ahmad, tema ini dipilih berdasarkan pengurusan pandemik Covid-19 bagi sektor pendidikan tinggi, di mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran terpaksa beralih dari secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian ataupun pdpdt. Dengan keadaan ini, semua ahli akademik perlu mengadaptasi sistem pembelajaran yang berasaskan teknologi digital bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran (pdp) berjalan seperti biasa.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan kemahiran, KKKg mempunyai peranan yang besar dalam membantu membentuk masa depan para pelajar ke arah masa depan yang lebih baik. Seperti mana misi jabatan untuk **'Menyediakan Akses yang Meluas Kepada Program TVET Berkualiti dan Diiktiraf'**, telah menjadi tanggungjawab Kolej Komuniti untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemegang taruh yang terlibat iaitu pelajar, ibu bapa, komuniti, industri dan seterusnya pihak kerajaan.

Sepanjang sambulan Bulan Akademia 2021, sebanyak 10 program dan aktiviti telah dijalankan dengan oleh Unit Pengajian Am, Program Sijil Teknologi Senibina dan Porgram Sijil Fesyen dan Pakaian. Sehubungan itu, penerbitan e-buku ini adalah merupakan satu usaha mendokumentasikan program dan aktiviti yang dijalankan agar dapat dijadikan panduan dan rujukan pada masa akan datang. Penerbitan e-buku ini juga merupakan satu bentuk penghargaan dan cenderahati kepada semua warga Kolej Komuniti Kuching yang telah memberikan sepenuh komitmen dan sokongan dalam menjayakan Bulan Akademia 2021.




Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Jawatankuasa Penerbitan e-Buku 'Sambutan Bulan Akademia Kolej Komuniti Kuching 2021'** dan **Jawatankuasa Program Bulan Akademia 2021** atas kejayaan penerbitan naskah ini. Semoga penerbitan e-buku ini dapat memberikan sebanyak mungkin manfaat kepada pembaca dan warga akademia khususnya.

Sekian, terima kasih.

**Kapten Bersekutu (PA) Suharyati binti Sulaiman**
Pengarah
Kolej Komuniti Kuching
Sarawak
2021

Sambutan Bulan Akademia 2021 merupakan usahasama Unit Akademik, Unit Pengajian Am, Program Sijil Teknologi Senibina dan Program Sijil Fesyen dan Pakaian untuk menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi bagi menghargai warga institusi pengajian tinggi.

Program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan Bulan Akademia 2021 dirancang dan disusun dengan teratur untuk mengembangkan minat pelajar dalam meningkatkan pemahaman mereka dalam program sijil yang diceburi. Selain itu, sambutan ini amat signifikan untuk membudayakan cinta akan ilmu pengetahuan dalam kalangan warga institusi.

Objektif program dan aktiviti yang dijalankan ialah untuk mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari bagi meningkatkan pencapaian akademik terutamanya yang melibatkan aktiviti yang menjurus kepada bidang pembelajaran seperti Bicara Warisan (Pengenalan Asas Lukisan Terukur), Pembentangan Grafik Senibina 2, Bengkel Asas Lukisan Figura dan Bual Bicara Fesyen dan Anda: Masa Depan Anda Dalam Industri.

Selain itu, terdapat juga aktiviti yang dijalankan untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran insaniah dalam persiapan sebelum melangkah keluar sebagai graduan yang berdaya saing iaitu Penulisan Resume Digital, Komunikasi Efektif dalam Temuduga dan *Mock Interview*.

Penyertaan program juga tidak terhad dalam kalangan pelajar sahaja di mana, beberapa program telah dijalankan yang melibatkan penyertaan umum iaitu Program Bicara Akademia, Webinar *Bridging Innovation* serta Pertandingan Kuiz.

E-buku ini menghimpunkan coretan program dan aktiviti yang dijalankan sempena sambutan Bulan Akademia 2021 beserta kompilasi gambar-gambar agar dapat diabadikan sebagai kenangan kepada warga KKKg.  Di sebalik cabaran pandemik Covid-19 tahun ini, terselit hikmah yang tersembunyi untuk kita terus mensyukuri nikmat kerana berjaya menggalas tugas dan amanah sebagai warga akademik.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Kuching yang menyokong usaha penerbitan e-buku ini.  Jutaan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Penerbitan E-Buku Sambutan Bulan Akademia KKKg 2021 dan Ahli Jawatankuasa Program Bulan Akademia KKKg 2021 yang telah memberikan komitmen yang jitu dalam menjayakan pelaksanaan program serta penerbitan e-buku ini. Semoga kerjasama ini dapat membuahkan kejayaan dalam usaha memartabatkan Kolej Komuniti di negara ini.

Sekian.

**En. Faizal Adnan bin Omar**
Ketua Pengarang



# Aktiviti Akademia

# Unit Akademik

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 22 Oktober 2021 |
| Masa | : 10.00 pagi – 11.00 pagi |
| Tempat | : AtasTalian (Google Meet) |
| Jumlah Peserta | : 121 orang peserta |
| Panel Penceramah | : Ts Azreen Bin Jafaar |
| Panel Pelajar | : Saudari Nur Afiqah Shahirah Bt Mustapha |

## PENDAHULUAN

Bicara Akademia adalah sesi bual bicara bersama Panel Akademik dan Panel Pelajar jemputan dalam membincangkan Pembelajaran dan Pengajaran secara dalam talian (PdPDT).




Program ini telah diadakan menerusi siaran secara langsung *Google Meet* bersempena dengan Bulan Akademik dan sambutan Hari Akademia 2021.

Moderator bagi program ini adalah En Shah Nazim Bin Sahar, Pensyarah Kanan Kolej Komuniti Kuching. Manakala Panel Akademik jemputan adalah Ts Azreen Bin Jafaar, pensyarah Kolej Komuniti Santubong.

Panel pelajar jemputan pula adalah Saudari Nur Afiqah Shahirah Bt Mustapha, Biro Akademik, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti Kuching.

*Disediakan Oleh: En. Mervin Gumba anak Sigai*

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Perkongsian ilmu kepada pelajar berkenaan adaptasi pembelajaran secara digital yang menjadi keutamaan pada pada masa kini rentetan situasi endemik Covid-19 yang melanda dunia.

ii. Membincangkan halatuju, keberkesanan dan cabaran pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran secara dalam talian (PdPDT) menerusi aspek akademik daripada panel pensyarah dan pelajar dalam membudayakan pendidikan secara digital pada norma baharu.







## KESIMPULAN

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan lebih 120 peserta dikalangan pensyarah dan pelajar daripada Kolej Komuniti. Maklum balas yang diterima menerusi program ini amat menggalakkan dan diharap program seperti ini diteruskan lagi bagi perkongsian ilmu dan memperkasakan Hari Akademia serta membudayakan lagi pembelajaran secara digital.

## MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh :18-23 Oktober 2021
Tempat : Atas talian
Peserta : 9 orang







## PENDAHULUAN

Sempena Bulan Akademik KKKG 2021, Unit Pusat Sumber telah mengadakan kuiz Hari Akademia 2021 dan terbuka kepada semua kakitangan Kolej Komuniti Kuching.

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Untuk meraikan para pensyarah sempena sambutan Bulan Akademia.
ii. Memberi peluang dan ruang kepada para pensyarah untuk mengambil bahagian didalam peraduan.

| KEPUTUSAN KUIZ HARI AKADEMIA KKKG 2021 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Disediakan oleh Unit Pusat Sumber | | | | |
| Kolej Komuniti Kuching | | | | |
| AKTIVITI | KEDUDUKAN | NAMA | JAWATAN | UNIT |
| KUIZ HARI AKADEMIA KKKG 2021 | 1 | EMARIA BINTI AHMAD | PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI | UPA |
| 18-23 OKT 2021 | 2 | ESURYATI BINTI KAMARUDIN | PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI | STS |
| QUIZIZZ | 3 | SULAIMAN BIN MOHD SHAH | PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI | SFP |

## KESIMPULAN

Kuiz telah dijalankan secara dalam talian bermula pada 18-23 Oktober 2021 dengan menggunakan aplikasi Quizzizz. Seramai sembilan orang pensyarah telah menyertai kuiz ini bagi merehatkan minda di samping mendapat informasi mengenai bulan akademia melalui kuiz. Keputusan diumumkan pada 29 Oktober 2021 dan hadiah disampaikan pada hari yang sama.

*Disediakan Oleh: Pn. Meno Anak Patrick Bai*

# Bridging The Gap Between Teaching and Innovation

*Disediakan Oleh: Ts. Liew Foong Ching*

**PROGRAMME INFO**

Date :21 Oktober 2021
Venue : On line
Candidates : 31 person




**Digitalization of TVET Teaching and Learning**
Speaker - Dr. Zainal Azhar Zainal Abidin

**How Can Lecturers Innovate?**
Speaker - Dr. Logaiswari Indiran




**Commercialization of Innovative Products**
Speaker - Dr. Mohd Norhadi Bin Muda

**How to Market Innovative Products?**
Speaker - Mr Toh Eng Seong

Bridging the Gap between Teaching and Innovation is a program organized by Kolej Komuniti Kuching aims towards cultivating innovation and creativity especially among the educators of higher learning and the local community.







"Innovation is a necessary
change much needed in education system today, and it can begin with you."

# Aktiviti Akademia
# Unit Pengajian Am

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **13 Oktober 2021** |
| Masa | : **0800 pagi – 10.00 pagi** |
| Tempat | : **Atas Talian (Google Meet)** |
| Jumlah Peserta | : **99 orang peserta** |
| Nama Penceramah | : **En. Mohamad Azrin Bin Ramli** |

## PENDAHULUAN

Menulis resume dalam permohonan kerja adalah antara perkara penting yang perlu diketahui oleh mereka yang sedang mencari kerja. Menulis resume memang seringkali dianggap muda, namun tidak ramai yang mampu menghasilkan resume yang benar-benar berkualiti. Oleh sebab itu, masih banyak calon terutamanya lepasan lulusan peringkat sijil tidak berjaya dalam permohonan kerja biarpun sijil mereka diakui mempunyai nilai pasaran tinggi kerana resume yang diberikan kepada panel tidak dapat menarik perhatian ketika dalam sesi temuduga.




*Penjelasan berkenaan pentingnya gambar profile yang formal dalam semua urusan permohonan kerja dan penggunaan font yang jelas.*

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Menghasilkan resume satu mukasurat yang ringkas dan padat
ii. Menghasilkan resume yang mengandungi maklumat peribadi penting yang terdiri daripada email formal, gambar terkini yang kemas dan sopan, serta ringkasan pengalaman kerja.

- Menghasilkan surat permohonan perkerjaan yang mengandungi jawatan yang dipohon.



*Penjelasan berkenaan ringkasan pengalaman kerja dan penyataan kemahiran yang dimiliki yang boleh jadi nilai tambah dalam permohonan kerja*



*Hasil kerja pelajar dalam penulisan resume. Dan ini merupakan contoh resume yang mempunyai kesilapan ejaan yang akan menjelaskan penilaian terhadap keperibadian pemohon.*



*Ulasan hasil kerja pelajar dalam penulisan resume yang dijadikan contoh terbaik sepanjang bengkel. Resume ini telah dibuat oleh Saudara Muhammad Anwar Bahri Bin Mahidi.*

## KESIMPULAN

Bengkel ini telah memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan penyataan pencapaian pendidikan dalam penulisan resume. Dalam masa yang sama penyataan kemahiran yang dimiliki dan rujukan perlu dinyatakan jelas bagi memberi gambaran tentang keperibadian sesorang dalam permohonan kerja. Pelajar telah memuatnaik resume mereka ke dalam google drive untuk diulas oleh panel bengkel.

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **13 Oktober 2021** |
| Masa | : **11.00 pagi – 12.30 tengahari** |
| Tempat | : **Atas Talian (Google Meet)** |
| Jumlah Peserta | : **99 orang peserta** |
| Nama Penceramah | : **En. Mohamad Azrin Bin Ramli** |

## PENDAHULUAN

Kemahiran komunikasi yang sangat baik adalah penting untuk kejayaan tempat kerja. Majikan sering mencari pekerja yang dapat bersama dengan orang lain dan siapa yang dapat berkomunikasi dengan baik baik secara lisan maupun tanpa lisan. Oleh itu bagi menunjukkan keperibadian seseorang, pemohon harus menunjukkan keupayaannya dalam berkomunikasi semasa dalam temuduga. Semakin selesa anda berada dalam peranan seorang yang ditemuduga, semakin mudah ia akan menunjukkan seberapa baik anda dapat berkomunikasi.

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Mempersediakan pelajar dengan soalan-soalan popular dan jawapan dalam temuduga kerja.
ii. Memperkenalkan 10 kemahiran komunikasi yang dalam membantu dalam permohonan temuduga kerja
iii. Mendedahkan kesalahan umum yang perlu dielakkan dalam temuduga kerja




*Panel menjelaskan kemahiran komunikasi efektif yang dapat membantu dalam permohonan temuduga kerja*

Disediakan Oleh: En.Luke Kenny Doring




*Panel menjelaskan kesalahan umum*
*bagi komunikasi lisan yang sering kali dilakukan dalam sesi temuduga*

## KESIMPULAN

Sesi ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui betapa pentingnya kecekapan komunikasi yang akan dinilai oleh majikan bagi sesi temuduga. Perwatakan seseorang itu diukur dengan keupayaan komunikasi terutamanya dalam pertemuan pertama dalam sesi temuduga.

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **13 Oktober 2021** |
| Masa | : **2.00 petang – 3.00 petang** |
| Tempat | : **Atas Talian (Google Meet)** |
| Jumlah Peserta | : **99 orang peserta** |
| Nama Penceramah | :**En. Mohamad Azrin Bin Ramli** |
| Nama Panel Temuduga | :**Pn Shafrine Mohamad Morshidi** |
| | **En. Luke Kenny Doring** |

## PENDAHULUAN

'Mock Interview' adalah simulasi temu duga kerja sebenar. Ia memberikan peluang kepada para pelajar untuk berlatih untuk temu bual dan menerima maklum balas. Seramai 2 orang Panel yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Unit Pengajian Am Kolej Komuniti Kuching terlibat untuk menilai sesi 'Mock Interview' tersebut. Pelbagai ragam yang dapat dilihat semasa sesi ini berjalan kerana para pelajar ditemuduga oleh panel-panel yang berbeza.

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Melatih pelajar untuk sesi temu duga kerja sebenar dengan latihan menjawab soalan-soalan berkaitan dengan bidang pekerjaan yang dipohon.
ii. Mendedahkan pelajar dengan proses sesi temuduga dan prosuder sebenar sesi temuduga pengambilan pekerja oleh majikan-majikan di Malaysia.




*Para Pensyarah memuji kekuatan pelajar dan menasihati pelajar untuk memperbaiki kelemahan bagi menjadi seorang yang lebih berkeyakinan.*

*Disediakan Oleh: En.Luke Kenny Doring*




*Pelajar cuba sedaya upaya memberi sepenuh komitmen semasa sesi temuduga.*

**KESIMPULAN**

'Mock Interview' ini dijalankan mengikut prosuder sebenar sesi temuduga pengambilan pekerja oleh majikan-majikan di Malaysia. Para pelajar didedahkan dengan situasi sebenar proses sesi temuduga berjalan dan soalan-soalan yang ditanya oleh panel-panel adalah soalan yang kebiasaannya ditanya oleh Majikan semasa sesi 'interview'. Komen positif telah diterima daripada para pelajar dan mereka berkongsi rasa debaran dan keterujaan sebelum, semasa dan selepas sesi 'Mock Interview'.

Aktiviti Akademia

# Program Sijil Fesyen & Pakaian

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **12 Oktober 2021** |
| Masa | : **0800 pagi– 1200 tengahari** |
| Tempat | : **AtasTalian (Google Meet)** |
| Jumlah Peserta | : **38 orang peserta** |
| Nama Tenaga Pengajar | : **En. Jefferyson Adam anak Henry Adam** |

## PENDAHULUAN

Lukisan imej secara statik dan bergerak merupakan asas dalam penghasilan sesuatu rekaan yang dijadikan sebagai contoh dan rujukan pada masa akan datang sebelum terhasilnya produk secara 3D. Seringkali dianggap sebagai tidak penting oleh beberapa pihak kerana rekaan boleh di ambil melalui sumber yang lebih mudah seperti foto, ini membuatkan para penuntut dan pereka untuk cenderung ke arah peniruan idea dan kreativiti.Latihan penghasilan lukisan imej ini membantu pelajar untuk mengenal pasti peletakan proporsi rekaan yang sesuai dengan imaginasi rekaan yang mereka impikan.Selain daripada itu, ia membantu pelajar untuk mengekspresi jatuhan fabrik yang bersesuaian pada tubuh melalui lukisan yang dihasilkan.Oleh itu, ramai pelajar dapat menghasilkan rekaan yang lebih teliti dengan pemahaman tentang peletakan tekstur dan fabrik mengikut lukisan pergerakan tubuh.



*Sesi pengenalan lukisan "line and movement drawing" bersama pelajar.*

## OBJEKTIF PROGRAM

i. Menghasilkan figura statik dan bergerak asas untuk pengenalan bentuk tubuh badan.
ii. Mengenalpasti peletakan posisi badan yang betul melalui teknik fesyen.

*Disediakan Oleh: En. Nur Hakim Bin Raifi*

*Penjelasan dan komentar hasil kerja pelajar.*



*Antara hasil static posture pelajar.*



*Pelajar menayangkan hasil mereka*



## KESIMPULAN

Program ini telah membuka mata pelajar tentang kepentingan lukisan fesyen dalam sesuatu penghasilan rekaan.Dalam masa yang sama, pelajar berupaya untuk menyampaikan informasi tentang peletakan rekaan mereka pada figura. Ini menunjukkan bahawa mereka tahu bagaimana peletakan rekaan mereka jika dihasilkan secara 3D. Selain daripada itu, pelajar dapat memperhalusi bakat lukisan mereka dengan menggunakan teknik yang sesuai dengan cara lukisan mereka tersendiri.

**Bual Bicara Fesyen Dan Anda: Masa Depan Anda Dalam Industri**

*Disediakan Oleh: En. Nur Hakim Bin Raifi*

## MAKLUMAT PROGRAM

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **12 Oktober 2021** |
| Masa | : **0200 petang – 0500 petang** |
| Tempat | : **Atas Talian (Google Meet)** |
| Jumlah Peserta | : **38 orang peserta** |
| Nama Penceramah | : **En. Mohd Amirul bin Md. Jonit** |

## PENDAHULUAN




Industri fesyen merupakan industri yang kompetitif dimana yang pengalaman dan pengetahuan asas menjadi keutamaan dalam pemilihan tenaga kerja untuk terus berdaya saing. Anggapan bahawa industri fesyen mempunyai peluang kerja yang terhad amat salah dan ini telah meletakkan perspektif yang kurang tepat terhadap hala tuju pelajar kelak. Sebaliknya industri fesyen antara industri yang yang boleh memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka yang mengetahui selok belok dan skop yang tersedia dalamnya. Oleh itu, ramai calon terutamanya lepasan lulusan peringkat sijil bertindak untuk menyimpang daripada bidang kerana pengaruh dan kurangnya pendedahan tentang industri dan peluang kerjaya yang disediakan dalam industri fesyen biarpun sijil mereka diakui mempunyai nilai pasaran tinggi.

## OBJEKTIF PROGRAM



i. Memberi pendedahan tentang peluang kerjaya yang tersedia dalam industri fesyen.
ii. Berkongsi ilmu dan pengalaman tentang kerjaya dalam fesyen dan jahitan.
iii. Membina keyakinan pelajar dengan hasil kerja mereka untuk melangkah ke industri fesyen akan datang.




*Penjelasan berkenaan pendedahan peluang kerjaya dalam industri fesyen oleh pereka fesyen terkenal.*

## KESIMPULAN

Program ini telah memberi ruang kepada pelajar untuk memahami tentang kepentingan pendedahan awal kepada industri fesyen. Dalam masa yang sama, keyakinan diri dan perkongsian ilmu dapat membantu pelajar memahami serba sedikit untuk apa yang bakal ditempuhi dalam industri.Selain daripada itu, pelajar boleh mengetahui kelebihan masing-masing dan bersedia untuk masa hadapan agar kelebihan mereka boleh ditonjolkan sewaktu mengorak langkah ke dalam dunia fesyen yang sebenar.

## Aktiviti Akademia

# Program Sijil Teknologi Senibina

Bicara Warisan Senibina : Pengenalan Lukisan Terukur.

Disediakan Oleh: Pn.Esuryati Binti Kamarudin

## MAKLUMAT PROGRAM

Bicara Warisan diadakan pada 12 Oktober 2021 secara online di platform google meet. Penceramah jemputan ialah Pn.Sharifah Aziemah binti Syed Hassan dari Anjung Teknik, Melaka. Beliau telah lama berkhidmat dan seorang pakar dalam senibina konservasi. Peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 104 pelajar dan 11 orang pensyarah senibina.







## OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI

i. Meningkatkan kompetensi dan kemahiran di kalangan pensyarah dan pelajar.
ii. Impak dalam kefahaman dan kemahiran Konservasi
iii. Membina semangat cinta akan warisan terutamanya bangunan etnik dan bangunan bersejarah






*Pengenalan Lukisan terukur yang disampaikan oleh penceramah jemputan memberi output yang cukup berkesan kepada pensyarah dan pelajar*









## KESIMPULAN

Lukisan Terukur merupakan salah satu skop kerja dalam bidang senibina. Lukisan terukur penting bagi kerja-kerja pengubahsuaian bangunan.

Selain itu, ia juga bertujuan menghasilkan lukisan kerja bagi bangunan yang tiada pelan asal.

Oleh itu, adalah amat penting bagi para pensyarah mengetahui teknik-teknik penghasilan lukisan terukur memandangkan kerja - kerja pengubahsuaian bangunan merupakan keperluan industri semasa.

Kebiasaannya lukisan ini digunakan bagi tujuan projek pengubahsuaian bangunan konservasi. Ianya juga bertujuan bagi mendokumentasikan set lukisan bagi bangunan lama yang tidak mempunyai set lukisan kerja yang lengkap.




*Ilustrasi bangunan yang telah diukur dibangunkan menggunakan perisian 3D bagi memberi penjelasan yang lebih teperinci pada bangunan yang diukur.*

**Perbentangan Grafik Senibina 2**




## MAKLUMAT PROGRAM

Perbentangan Hasil Kerja (GrafikSenibina 2) Pelajar Sem 3 diadakan secara online di platform google meet pada 12 Oktober 2021. Panel panilaian perbentangan tersebut ialah Pn.Esuryati binti Kamarudin, En.Rozaifis Rofiei dan En.Faizal Adnan Omar. Pelajar yang terlibat dalam perbentangan ialah seramai 46 orang manakala jumlah audiance seramai 58 orang pelajar dan 11 pensyarah. Penilaian dibuat untuk pemilihan *Best Presentation* dan *Best Presentation Board.*

## OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI

i. Untuk memberi pendedahan kepada pelajar terhadap perbentangan sebenar kepada klien
ii. Untuk memberi peluang kepada pelajar menyampaikan idea, produk baru atau hasil kerja yang dipaparkan dan dijelaskan kepada panel dan para pelajar.
iii. Memberi persaingan yang sihat kepada pelajar dalam memperbaiki softskill.
iv. Memperkukuhkan lagi PLO program Sijil Teknologi Senibina.



*Pensyarah Program senibina memberi input bagi penambahbaikan hasil kerja pelajar pada masa akan datang*

*Disediakan Oleh: Pn.Esuryati Binti Kamarudin*

1



# KRH. KUCHING REST HOUSE

## PENGENALAN

Projek Amali 2 pada semester ini mengetengahkan sebuah rumah yang berkeluasan 120 meter persegi sebagai permulaan pengenalan kepada perisian yang akan diguna pakai semasa belajar dan ketika di alam pekerjaan.

***Kuching Rest House (KRH)*** terinspirasi dari sebuah rumah tinggal yang dibangunkan semula bagi menyuntik nafas baru kepada pemilik dengan mempelbagaikan konsep mengikut citarasa para pelajar. ***KRH*** diolah berdasarkan konsep Modern Classic.




PELAN KUNCI




**PELAN LANTAI**
skala 1:100




PELAN LOKASI



**PERSPEKTIF LUARAN**

**NAMA PELAJAR**
saidatul afiqah binti sabki

**NO PELAJAR**
Q01STS20F030

**KURSUS**
grafik senibina 2

**NAMA PENSYARAH**
mohamad shahir naim bin abd latif

*Hasil kerja pelajar bagi kursus Grafik Senibina 2, Sijil Teknologi Senibina*




*Hasil kerja pelajar bagi kursus Grafik Senibina 2, Sijil Teknologi Senibina*



# KRH. KUCHING REST HOUSE

1

## PENGENALAN

Projek Amali 2 pada semester ini mengetengahkan sebuah rumah yang berkeluasan 120 meter persegi sebagai permulaan pengenalan kepada perisian yang akan diguna pakai semasa belajar dan ketika di alam pekerjaan.

***Kuching Rest House (KRH)*** terinspirasi dari sebuah rumah tinggal yang dibangunkan semula bagi menyuntik nafas baru kepada pemilik dengan mempelbagaikan konsep mengikut citarasa para pelajar. ***KRH*** diolah berdasarkan konsep Estetik Moden




**PELAN LANTAI**
skala 1:100







**NAMA PELAJAR**
zulkarnain hamzah bin mohamed

**NO PELAJAR**
Q01STS20F003

**KURSUS**
grafik senibina 2

**NAMA PENSYARAH**
mohamad shahir naim bin abd latif



**PERSPEKTIF LUARAN**

*Hasil kerja pelajar bagi kursus Grafik Senibina 2, Sijil Teknologi Senibina*




*Hasil kerja pelajar bagi kursus Grafik Senibina 2, Sijil Teknologi Senibina*




*Sesi perbentangan hasil kerja grafik senibina 2 dijalankan secara virtual dengan menggunakan platform google meet.*

<u>Senarai Nama Pemenang</u>

**Best Presentation** : Natalia Esot Anak James Nanang
**Best Presentation Board:** Saidatul Afiqah Binti Sabki

<u>KESIMPULAN</u>

Secara Kesimpulan perbentangan Grafik senibina 2 berjalan dengan lancar dan para pelajar mampu membentangkan hasil kerja grafik dengan amat baik. Program seperti ini sangat memberi impak kepada pelajar, kerana dapat meningkatkan dan memperbaiki softskill para pelajar supaya mampu berdaya saing apabila telah tamatkan pengajian di Kolej Komuniti Kuching. Program ini dijalankan setiap tahun untuk memberi pendedahan dan merapatkan hubungan diantara pelajar *junior* dan pelajar *senior.*

# Majlis Perasmian Penutup
# Bulan Akademia Kolej Komuniti Kuching 2021

**MAKLUMAT PROGRAM**

Tarikh :**29 Oktober 2021**
Tempat :**Bilik Mesyuarat, Kolej Komuniti Kuching & secara atas talian *(Google Meet)***
Masa :**2.00 - 5.00 petang**
Penglibatan :**Semua Staff KKKg**

**PENDAHULUAN**

Majlis Perasmian Penutup Bulan Akademia KKKg 2021 telah disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Kuching, Puan Suharyati Binti Sulaiman. Ianya telah dilaksanakan secara atas talian dan secara fizikal dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Majlis diakhiri dengan penyampaian Anugerah kepada pensyarah.





























*Majlis penutup diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang dan penerima anugerah*

## ANUGERAH
## AKADEMIA PENSYARAH
## (PILIHAN PELAJAR)

**Anugerah Pensyarah Paling Sempoi**
En. Luke Kenny Anak Doring

**Anugerah Pensyarah Paling Ceria**
Pn. Shafrine Binti Mohd Morshid

**Anugerah Pensyarah Paling Vogue**
Pn. Elfy Fariza Binti Sharkawi

**Anugerah Pensyarah Paling Kacak (Lelaki)**
En. Mohamad Shair Naim Bin Abd Latif

**Anugerah Pensyarah Paling Cantik (Wanita)**
Pn. Emaria Binti Ahmad

**Anugerah Pensyarah Paling Patuh Sop**
Pn. Esuryati Binti Kamarudin

**Anugerah Pensyarah Paling Singa KKKg (Lelaki)**
En. Mervin Gumba Anak Sigai

**Anugerah Pensyarah Paling Rimau KKKg (Wanita)**
Pn. Norshafiza Binti Zakaria

**Anugerah Pensyarah Paling Ayahanda KKKg (Lelaki)**
En. Rosman Bin Zulkifli

**Anugerah Pensyarah Palnig Bonda KKKg (Wanita)**
Pn. Wan Khazlina Binti Wan Mohamed

## ANUGERAH
## AKADEMIA PENSYARAH
## (PILIHAN KAKITANGAN KKKG)

**Anugerah Pensyarah Paling Happening**
Pn. Shafrine Binti Mohamad Morshidi

**Anugerah Pensyarah Paling Mesra**
Pn. Emaria Binti Ahmad

**Anugerah Pensyarah Paling Kesopanan dan Ketatasusilaan**
Pn. Wan Khazlina Binti Wan Mohamed

**Anugerah Pensyarah Kedaulatan Undang-Undang dan Keluhuran Perlembagaan**
En. Shah Nazim Bin Shahar

**Anugerah Pensyarah Terhebat, Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang**
En. Luke Kenny Anak Doring

**Pengerusi**
**Pn. SUHARYATI BINTI SULAIMAN**
Pengarah

**Penasihat Program**
**En. MERVIN GUMBA ANAK SIGAI**
Timbalan Pengarah Akademik

**Pengarah Program**
**En. NUR HAKIM BIN RAIFLI**
Ketua Program Sijil Fesyen dan Pakaian KK Kuching

**Timbalan Pengarah Program**
**Pn. ESURYATI BINTI KAMARUDIN**
Ketua Program Sijil Teknologi Senibina KK Kuching

**Setiausaha Program**
**En. LUKE KENNY ANAK DORING**
Ketua Unit Pengajian Am KK Kuching

**Bendahari Program**
**Unit Kewangan**

**Ahli Jawatankuasa**

**Pengurusan Tempat dan Peralatan**
**En. FAIZAL ADNAN BIN OMAR**
**Pn. ELFY FARIZA BINTI SHARKAWI**

**Pendaftaran Peserta**
**En. SHAH NAZIM BIN SHAHAR**
**En. ROZAIFIS BIN ROFIEI**
**Pn. NURAINI BINTI MAHMUD**

<u>Pengurusan & Perlaksanaan  Aktiviti</u>
En. MOHAMAD SHAHIR NAIM BIN ABD LATIF
En. ROSMAN BIN ZULKIFLI
Pn. NOOR'AINAH BINTI ABDUL SAMAD
Pn. LAILA NAJWA BINTI YAHAYA
Pn. MASSTURA BINTI SULAIMAN (Penjaga masa)

<u>Panel Mock Interview & Penulisan Resume</u>
Pn. SHAFRINE BINTI MOHAMAD MORSHIDI
Pn. DIANA LIM PEI WEN
En. MOHAMAD YUSRIZAL BIN MOHAMED YUSOFF
Pn. NORSHAFIZA BINTI ZAKARIA
Pn. EMARIA BINTI AHMAD
Pn. NUR SYAZWANIE BINTI ABDUL RAHMAN

<u>Panel Penilai Perbentangan STS</u>
En. FAIZAL ADNAN BIN OMAR
Pn. ESURYATI BINTI KAMARUDIN
En. ROZAIFIS BIN ROFIEI

<u>Multimedia dan Rakaman Peristiwa</u>
En. AHMAD KHAIDIR BIN MOHAMED
En. MOHD ZULKARNAIN BIN SALEHUDIN
Pn. FARIDAH BINTI MERJOH

<u>Promosi dan Hebahan</u>
Pn. SITI FAIRUZ BINTI NGATENAN
Pn. SULAIMAN BIN MOHD SHAH

<u>Sijil Peserta & AJK</u>
En. ROZAIFIS BIN ROFIEI
Pn. WAN KHAZLINA BINTI WAN  MOHAMED
Pn. SITI NUR AISHAH BINTI LUKMAN

<u>Penilaian Program</u>
Pn. MASSTURA BINTI SULAIMAN

e ISBN 978-967-18718-3-6
9 7 8 9 6 7 1 8 7 1 8 3 6